



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/03/10_15 (HQ)

TNB MEMBANTU SENG HIN RUBBER MENCAPAI MATLAMAT ESG DENGAN SOLUSI SOLAR

- GSPARX bekerjasama dengan SENG HIN untuk pemasangan 1.3 MWp kapasiti solar
- SENG HIN akan mendapat penjimatan RM18.78 juta dalam bil elektrik dalam 21 tahun
- Inisiatif peralihan tenaga itu mampu mengurangkan 1,124 tan metrik karbon dioksida setahun

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi anak syarikat milik penuhnya, **GSPARX Sdn Bhd (GSPARX)** terus mendapat sokongan dari industri perladangan dalam menggiatkan peralihan tenaga dengan terkini daripada **Seng Hin Rubber (M) Sdn Bhd (SENG HIN)**.

Melalui Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE), GSPARX akan memasang sistem solar fotovoltaik atas bumbung di tapak kilang SENG HIN yang terletak di Kuala Krai, Kelantan dengan kapasiti berjumlah 1.3 MWp.

Ketua Pegawai Retail TNB, Kamal Arifin A. Rahman berkata, inisiatif teknologi hijau itu bakal mempertingkatkan impak pembangunan mesra alam dan kesejahteraan sejagat sejajar komitmen TNB terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

“Perjanjian ini juga merangkumi solusi tenaga pintar lain seperti Green Electricity Tariff (GET); solusi dari segi kecekapan tenaga dan sistem pemantauan tenaga (EMS – Energy Monitoring System) yang dapat mengurangkan pelepasan karbon.”

Menurut Kamal, kerja-kerja pemasangan dijadualkan siap pada bulan Ogos 2023 dan inisiatif beralih ke sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) ini membolehkan SENG HIN menikmati anggaran penjimatan bil elektrik sebanyak RM18.78 juta dalam tempoh 21 tahun.

“Ia adalah sejajar aspirasi nasional menuju negara neutral karbon menjelang 2050 kerana inisiatif tersebut mampu mengurangkan 1,124 tan metrik karbon dioksida setiap tahun bersamaan pemerangkapan gas rumah hijau oleh 20,624 pokok sepanjang tempoh 10 tahun.”

Perjanjian tersebut dimeterai di Kota Bharu pada buan lalu. Ia ditandatangani oleh Ketua Retail Negeri (Kelantan) Bahagian Retail TNB, Ir. Khabir Sufi Berhanuddin; Ketua Perolehan GSPARX, Ahmad Tarmizi Mohd; Pengarah Urusan SENG HIN, Kor Hock Tart; dan disaksikan oleh Ahli Lembaga GSPARX dan Ketua Solusi, Bahagian Retail TNB, Mohamed Azrin Mohamed Ali dan Pengurus Besar SENG HIN, Lee Seng Pin.

Serentak itu, ia juga adalah manifestasi pemerkasaan ESG oleh pihak SENG HIN dari sektor perladangan sebagai pemangkin kepada industri yang setara dalam mengadaptasi pembangunan lestari.

S.A. 2023/03/10_15 (HQ)

Berucap dalam majlis itu, Kor Hock Tart berkata, SARE adalah satu perjanjian antara TNB dan GSPARX sebagai pelabur PV Solar Berdaftar (RPVI) dan SENG HIN sebagai pelanggan yang membolehkan SENG HIN mempraktikkan amalan hijau dan menyokong agenda kerajaan menuju negara neutral karbon menjelang 2050.

Sehingga kini, GSPARX telah memperoleh 357 projek dengan organisasi komersial, perindustrian & kerajaan, menjana sejumlah 249 MWp kapasiti solar. Antaranya Mydin Mohamed Holdings Berhad (MYDIN), S P Setia, Sime Darby Properties, Jabatan Kerja Raya (JKR), SIRIM, FELDA, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Seremban, Majlis Bandaraya Ipoh, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Kolej Universiti TATI (TATIUC), Perak Transit, Lumileds, SKF Bearing, CJ Bio, Spirit Aerosystems, Primula Beach Hotel dan Smart Modular Penang.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 10 Mac 2023, jam 12:30 tengah hari
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606
atau emel kami: media@tnb.com.my*

S.A. 2023/03/10_15 (HQ)

Mengenai GSPARX

GSPARX ialah anak syarikat milikan penuh TNB yang ditubuhkan pada Januari 2018. Ia giat menjalankan kerjasama strategik bersama pelbagai syarikat, organisasi dan agensi kerajaan bagi menawarkan kepakarannya dalam pemasangan panel solar bumbung, satu pasaran di dalam ruang tenaga boleh diperbaharui Malaysia yang berpotensi besar untuk diterokai.

Melalui Zero Capex Solution GSPARX, pelanggan dari kategori agensi kerajaan, komersial dan perindustrian kini boleh menjana tenaga solar bersih pada bumbung bagi mengurangkan bil elektrik. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.tnb.com.my/solar/> atau <https://www.gsparx.com/>

Mengenai Seng Hin Rubber (M) Sdn Bhd

Seng Hin (M) Rubber Sdn Bhd (SENG HIN) adalah merupakan pengilang industri getah yang ditubuhkan sejak 1974, di Kuala Krai, Kelantan. SENG HIN bertanggungjawab dalam membersihkan, memproses, menguji dan mengilang kepingan getah sebelum dijual bagi memastikan kualiti yang diberikan memenuhi standard ditentukan. Kehadiran SENG HIN dalam pasaran getah global memberi impak yang positif dengan perkongsian dengan Southland Holding Company, salah satu peniaga getah terkemuka di Thailand. Dengan pengalaman yang luas, SENG HIN merupakan salah satu pengeluar getah terbesar di Kelantan yang diiktiraf ISO/IEC 17025 pada 2007 menunjukkan ketepatan dan kualiti ujian getah. Selain itu, dari segi pengeluaran getah SENG HIN pertama kali mendapat akreditasi dengan standard bertaraf dunia ISO 9001:2008 pada Julai 2010. Pencapaian terkini adalah standard bertaraf dunia ISO 14001 dan ISO 45001 telah diakreditasi dengan ISO 9001:2008 semasa awal tahun 2023. Selain itu, ujian makmal yang dijalankan oleh SENG HIN telah diiktiraf oleh ILAC Mutual Recognition Arrangement (ILAC MRA) pada awal tahun 2023. Dalam menyahut seruan kerajaan ke arah penggunaan teknologi hijau yang mantap, SENG HIN sentiasa menyemak agar produk getah yang dihasilkan dapat digunakan semula, dikitar semula dengan pengurangan kesan sampingan. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.senghinrubber.com/v1/home>

S.A. 2023/03/10_15 (HQ)



Pengarah Urusan SENG HIN, Kor Hock Tart (tengah), bersama-sama dengan Ahli Lembaga GSPARX dan Ketua Solusi, Bahagian Retail TNB, Mohamed Azrin Mohamed Ali (tiga dari kiri) memegang dokumen yang telah ditandatangani. Turut bersama Ketua Retail Negeri (Kelantan) Bahagian Retail TNB, Ir. Khabir Sufi Berhanuddin (dua dari kiri), Pengurus Besar Negeri (State Stakeholder Affairs - Kelantan) TNB, Muhamad Azli Ab. Rahim (paling kiri), Ketua Perolehan GSPARX, Ahmad Tarmizi Mohd (dua dari kanan); Pengurus Besar SENG HIN, Lee Seng Pin (tiga dari kanan), dan Ketua Pegawai Kewangan SENG HIN, Chai Sin Muh (paling kanan).